

**KRAF BULUH KAMPUNG JAL KECHIL:  
SIMBOLISME MINDA DAN WATAK  
DALAM SOSIOBUDAYA MELAYU**

**Oleh**

**MOHD ZAIHIDEE BIN ARSHAD**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Oktober 2009**

## PENGHARGAAN

*Yang merah itu saga, Yang kurik itu kendi, Yang indah itu bahasa, Yang baik itu budi.*

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya telah memberi kekuatan mental dan fizikal sehingga saya berjaya menyempurnakan tesis bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah ini. Penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama, Prof. Dr. Zakaria Ali kerana keikhlasan dan kesediaan memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini dapat di selesaikan. Kepada Dekan Pusat Pengajian Seni, dorongan dan pencetus semangat untuk merealisasikan tesis ini sangat disanjung tinggi.

Seterusnya, tidak ketinggalan ucapan penghargaan dan terima kasih untuk Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, Dr. Ahmad Suhaimi dan pensyarah-pensyarah Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberi sumbangan idea dan buah fikiran dalam melengkapkan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada Perpustakaan FRIM Kepong, Arkib Negara Kuala Lumpur, Institut Kraf Negara Rawang, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan, Pejabat Ukur dan Pemetaan Kelantan, Penghulu Kg. Jal Kechil, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Padang Mandol, Klinik Desa Padang Mandol, pembuat kraf buluh dan seluruh masyarakat Kg. Jal Kechil kerana memberi sumbangan yang bermakna terhadap kajian yang dijalankan.

Buat isteriku, Noor Lemah binti Ismail dan anak-anak yang tersayang, terima kasih di atas doa, pengorbanan dan penantian dalam menyempurnakan tesis ini.

**Terima kasih.**

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

Penghargaan .....	ii
Isi Kandungan .....	iii
Senarai Jadual .....	vii
Senarai Rajah .....	viii
Senarai Gambar Foto .....	x
Abstrak .....	xii
Abstract .....	xiii

### **BAB I      PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang Kajian.....	1
1.2	Pernyataan Masalah .....	10
1.3	Tujuan Kajian .....	14
1.4	Kepentingan Kajian .....	15
1.5	Batasan Kajian .....	16
1.6	Definisi Operasional dan Pengertian Konsep	
	1.6.1 Simbol .....	18
	1.6.2 Kraf .....	23
	1.6.3 Minda .....	24
	1.6.4 Watak .....	25
	1.6.5 Melayu .....	26
1.7	Organisasi Tesis .....	27

### **BAB II      TINJAUAN LITERATUR DAN TEORI KAJIAN**

2.1	Buluh Dalam Kehidupan Manusia .....	29
2.2	Teori Kajian .....	37
	2.2.1 Teori Sosial Parsons .....	38
	2.2.2 Teori Seni Langer .....	44

<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI DAN KERANGKA KAJIAN</b>	
3.1	Reka Bentuk dan Strategi Kajian .....	49
3.2	Prosedur dan Proses Pengumpulan Data .....	51
3.3	Jenis Data dan Sumber Data	
	3.3.1 Data Lisan .....	52
	3.3.2 Data Bercetak .....	53
	3.3.3 Artifak Kraf Buluh .....	53
3.4	Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data Primer	
	3.4.1 Temubual .....	53
	3.4.2 Pemerhatian dan Dokumentasian Lapangan .....	54
3.5	Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data Sekunder	
	3.5.1 Kajian Kepustakaan .....	55
3.6	Prosedur dan Proses Penganalisaan Data .....	56
3.7	Kerangka Kajian .....	57
3.8	Pendekatan Interdisiplin Dalam Kajian .....	70
	3.8.1 Pendekatan Sejarah .....	71
	3.8.2 Pendekatan Psikologi.....	74
	3.8.3 Pendekatan Sosiologi.....	79
	3.8.4 Pendekatan Antropologi.....	81
<b>BAB IV</b>	<b>GAMBARAN UMUM MASYARAKAT DAN KEBUDAYAAN KAMPUNG JAL KECHIL</b>	
4.1	Kedudukan Muka Bumi Kampung Jal Kechil.....	85
4.2	Sejarah Kampung Jal Kechil.....	88
4.3	Kehidupan Masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil.....	90
4.4	Kebudayaan Masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil.....	97
<b>BAB V</b>	<b>KEHIDUPAN PARA PEMBUAT KRAF BULUH KAMPUNG JAL KECHIL</b>	
5.1	Kraf Buluh Hasil Kerja Tangan Golongan Tua Masyarakat Petani.....	105

5.2	Amalan dan Kepercayaan Tradisi .....	110
5.3	Pembuat Kraf Buluh Kampung Jal Kechil	
	Kes 1.....	122
	Kes 2 .....	133
	Kes 3 .....	135
	Kes 4 .....	137
	Kes 5 .....	139
	Kes 6 .....	144
	Kes 7 .....	147
	Kes 8 .....	148
	Kes 9 .....	152
	Kes 10 .....	154
	Kes 11.....	157
	Kes 12 .....	159
	Kes 13 .....	161
	Kes 14 .....	163
	Kes 15 .....	166
	Kes 16 .....	170

## **BAB VI KRAF BULUH SEBAGAI PRODUK SENI MASYARAKAT MELAYU KAMPUNG JAL KECHIL**

6.1	Pendahuluan.....	173
6.2	Bahan dan Peralatan.....	173
6.3	Proses dan Teknik Pembuatan.....	179
6.4	Reka Bentuk dan Reka Corak Produk .....	185
6.5	Fungsi Kraf Buluh Dalam Kehidupan	
	6.5.1 Kraf Buluh sebagai Fungsi Fizikal .....	190
	6.5.2 Kraf Buluh sebagai Fungsi Bukan Fizikal .....	197

## **BAB VII      SIMBOLISME MINDA DAN WATAK MELAYU DALAM KRAF BULUH**

7.1	Pendahuluan.....	204
7.2	Makna dan Nilai Budaya .....	205
7.3	Makna dan Nilai Sosial.....	219
	7.3.1 Keluarga .....	219
	7.3.2 Wakaf .....	227
	7.3.3 Jiran .....	234
	7.3.4 Masyarakat .....	236
7.4	Makna dan Nilai Seni .....	243
7.5	Makna dan Nilai Sosiobudaya: Analisis Simbolisme Dalam Kraf Buluh.....	255
	7.5.1 Makna Semulajadi .....	255
	7.5.2 Makna Perkaitan .....	259
	7.5.3 Makna Simbolik .....	266
7.6	Sistem Simbol Dalam Kehidupan Pembuat Kraf Buluh Kampung Jal Kechil.....	267
	7.6.1 Simbol Konstitutif .....	268
	7.6.2 Simbol Moral .....	274
	7.6.3 Simbol Ekspresi .....	280
	7.6.4 Simbol Kognitif .....	286
7.7	Kesan Sistem Simbol Dalam Kehidupan Pembuat Kraf Buluh Kampung Jal Kechil .....	292

## **BAB VIII      RUMUSAN DAN CADANGAN**

8.1	Rumusan .....	295
8.2	Cadangan .....	306

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

**SENARAI JADUAL**

<b>Bil Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1	Pendekatan antropologi dalam kajian kraf buluh Kampung Jal Kechil	83
6.1	Jenis buluh	173
6.2	Sifat fizikal buluh	176
7.1	Proses pemikiran dalam pembuatan kraf buluh	239

## SENARAI RAJAH

<b>Bil. Rajah</b>	<b>Tajuk Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1.1	Nilai dan pemikiran Melayu terhadap buluh	7
2.1	Teori Sistem Parsons	38
2.2	Kebudayaan sebagai sistem simbol	39
2.3	Skema hirarki sistem simbol Parsons	41
3.1	Kerangka Kajian : Konsep simbolisme minda dan watak masyarakat Melayu pembuat kraf buluh Kampung Jal Kechil	58
3.2	Simbol dalam kraf buluh dan hubungannya dengan minda dan watak masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil	59
4.1	Peta kedudukan muka bumi Kampung Jal Kechil	86
4.2	Pelan penempatan penduduk Kampung Jal Kechil	87
5.1	Kemahiran meraut buluh	128
5.2	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Mak Su Yah	132
5.3	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Faridah Mat Junuh	135
5.4	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Habiah Deraman	137
5.5	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Zainab Sulong	139
5.6	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Zainab Ismail	143
5.7	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Fauziah Mat Noor	146
5.8	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Safiah Che Amat	148
5.9	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Siti Fatimah Hamad	152



5.10	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Mek Kalsom Ismail	154
5.11	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Mohd Mokhtar Mat Junuh	156
5.12	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Siti Esah Ismail	158
5.13	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Siti Mariam Abdullah	161
5.14	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Zabedah Mat	163
5.15	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Esah Mohamad	165
5.16	Pembuatan kraf buluh dalam keluarga Awang Jusoh	170
6.1	Keadaan dahan dan ruas buluh	175
6.2	Anyaman kelarai 'pith sekepeng' membentuk tapak bakul	188
7.1	Biologikal dan budaya dalam minda dan watak masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil	207
7.2	<i>'Projection Mappings'</i> dalam proses membuat kraf buluh	253
7.3	Simbol konstitutif dalam kraf buluh	272
7.4	Simbol moral dalam kraf buluh	274
7.5	Simbol ekspresi dalam kraf buluh	280
7.6	Simbol kognitif dalam kraf buluh	287
7.7	Tahap simbol kognitif	290
7.8	Faktor estetik dalaman dan estetik luaran sebagai petunjuk kepada simbolisme minda dan watak dan sosiobudaya masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil	293

## SENARAI GAMBAR FOTO

<b>Bil. Gambar</b>	<b>Tajuk Gambar</b>	<b>Muka surat</b>
4.1	Sekolah Kebangsaan Padang Mandol	93
4.2	Klinik Desa Padang Mandol	95
4.3	Jalan perhubungan kampung	96
4.4	Jenis wakaf dalam Kampung Jal Kechil	101
5.1	Nilai seni kaki bakul	115
5.2	Amalan tradisi memakai 'semutar' di kepala	116
5.3	Temu bual dengan Mak Su Yah: pembuat kraf buluh	122
5.4	Corak anyaman kelarai dan ragam hias kraf buluh	126
5.5	Alatan dan bahan membuat kraf buluh	130
5.6	Faridah Mat Junuh pembuat kraf buluh yang aktif	132
5.7	Habiah Deraman pembuat kraf bakul payung	135
5.8	Zainab Ismail pembuat kraf bakul padi	139
5.9	Kraf buluh usang dan nilai seninya	142
5.10	Fauziah Mat Noor: Keseronokan berkerja di Wakaf	144
5.11	Kaki 'bakul payung'	145
5.12	Siti Fatimah Hamad pembuat kraf 'bakul pen'	148
5.13	Mek Kalsom bekerja terus bekerja	153
5.14	Siti Esah, kraf buluh sehati dengan jiwanya	157
5.15	Siti Mariam Abdullah pembuat kraf buluh Kampung Jal Kechil	159

5.16	'Raga Cina' keluarga Awang Jusoh	167
5.17	Awang Jusoh dengan isterinya Che Som Mamat	168
6.1	Pokok buluh Kampung Jal Kechil	174
6.2	Proses membuat kraf buluh Kg. Jal Kechil	180
6.3	Pewarna dalam kraf buluh	182
6.4	Proses kemasan di bahagian kepala / bingkai bakul	183
6.5	Kaki bakul	184
6.6	Jenis-jenis bakul	185
6.7	Jenis kelarai kraf buluh Kampung Jal Kechil	189
6.8	Kraf buluh sebagai fungsi fizikal dan kesannya	193
6.9	Fungsi fizikal konvensional dan kontemporari	196
7.1	Fungsi wakaf	229
7.2	Fungsi wakaf dan kaitannya dengan adab	230
7.3	Fungsi wakaf dan kaitannya dengan keluarga	231
7.4	Fungsi bangsal sebagai wakaf	232
7.5	Makna dan nilai seni (garisan) dalam kraf buluh	246
7.6	Warna dalam kraf buluh	247
7.7	Prinsip keseimbangan dalam kraf buluh	250
7.8	Buluh Kampung Jal Kechil	271
7.9	Simbol ekspresi: Nilai estetik berbanding dengan nilai seni	282

## ABSTRAK

Keselarasan hubungan antara manusia dengan persekitaran telah menimbulkan reaksi untuk memakmurkan alam dengan pembangunan pemikiran dan tindakan yang seimbang. Pendekatan interdisiplin yang merangkumi pendekatan psikologi, sosiologi, antropologi dan sejarah digunakan untuk melihat pemikiran dan tingkah laku manusia. Pendekatan psikologi bertujuan bagi menilai pilihan dan kehendak. Pendekatan sosiologi menghurai pelbagai corak dalam organisasi sosial. Pendekatan antropologi pula dikaitkan dengan adat dan kepercayaan untuk memenuhi keperluan hidup yang disandarkan kepada alam sekeliling tempat tinggal, sementara pendekatan sejarah melihat perkembangan itu mempunyai perkaitan dengan masa lampau. Pengalaman, peraturan dan logik, kesesuaian pilihan dan ekspresi menjadi dimensi dalam perkembangan kraf buluh masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil. Simbol konstitutif, simbol moral, simbol ekspresif dan simbol kognitif yang wujud ditafsir berpandukan kerangka teori kajian yang dibina iaitu Teori Seni Langer dan Teori Sosial Parsons. Konsep keseimbangan, lingkungan, penerokaan dan komunikasi dalam kraf dijelaskan dalam teori tersebut. Nilai dan makna yang terbentuk diterjemahkan bagi menyelesaikan persoalan kehidupan yang ada hubungannya dengan alam dan masyarakat setempat. Kesannya kraf buluh yang wujud menjelaskan minda dan watak Melayu dalam sosiobudaya Kampung Jal Kechil.

**BAMBOO CRAFT OF KAMPUNG JAL KECHIL :  
SYMBOLISM IN THE MIND AND CHARACTER  
OF MALAY SOCIOCULTURE**

**ABSTRACT**

The harmonious relationship between human beings and their environment has stirred reaction to contain nature with the development of mind and action. The interdisciplinary approach that consist of psychology, sociology, anthropology and history has been used in understanding human thinking and behaviour. Psychological approach is meant to evaluate the choices and needs. Sociological approach details the various patterns in the social organization. Anthropological approach is tied with culture and beliefs to fulfill human needs which are based on their habitat. While historical approach looks at the development which is related to the past. Experience, order and logic, appropriateness of choice and expression become a dimension in the bamboo craft of Malay society at Kampung Jal Kechil. Constitutive symbol, moral symbol, expressive symbol and cognitive symbol that exist have been interpreted based on theoretical framework that has been developed; Langer Art Theory and Parsons Social Theory. The concepts of equilibrium, exploration and communication in craft are explained in the above mentioned theories. The values and meaning that are formed are interpreted to solve matters related to the lives of villagers that are connected to nature and society. The implication is that bamboo craft expresses the Malay mind and character in the sociocultural of Kampung Jal Kechil.

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Manusia adalah organisma yang bertindak balas terhadap persekitarannya. Tindak balas penting terhadap pembentukan tingkah laku terutamanya dalam memenuhi tuntutan terhadap keperluan asas manusia yang berkaitan dengan objek fizikal, objek sosial dan juga objek budaya. Alam merupakan tempat manusia membina kehidupan dengan mencerna objek yang memberi makna dalam kehidupan. Proses itu membentuk keanekaragaman tingkah laku dan kebudayaan manusia yang jelas disebabkan oleh perbezaan lingkungan persekitaran tempat tinggal. Keselarasan hubungan antara manusia dengan persekitaran telah menimbulkan reaksi untuk memakmurkan alam ini dengan membina pembangunan manusia individu dan masyarakat. Impaknya adalah terhadap pembentukan pemikiran, pandangan, corak komunikasi dan budaya.<sup>1</sup>

Pendekatan psikologi mengkaji manusia berdasarkan dua kumpulan utama iaitu psikologi yang berfungsi terhadap tingkah laku manusia dan pemikiran yang menggunakan konsep kesedaran, keinginan, tujuan, nilai dan pilihan. Keduanya melihat manusia sebagai organisma yang berteraskan minda. Berdasarkan pendekatan sosiologi pula manusia sebagai makhluk sosial yang

---

<sup>1</sup> Tjetjep Rohendi Rohidi. *Kesenian Dalam Pendekatan Kebudayaan*. Bandung: STISI.2000, hlm.3.

cuba menghuraikan pelbagai corak dalam organisasi sosial dan membuat transformasi terhadap kehendak manusia.

Bagi ahli antropologi, manusia memiliki ciri fizikal dan pelbagai corak kebudayaan yang berkaitan dengan amalan seharian seperti adat, kepercayaan dan ritual mengikut perkembangan sesuatu organisasi manusia, selaras dengan asas perkembangan semulajadi manusia dan keperluan sosial untuk memenuhi keperluan hidup. Keadaan itu bergantung kepada alam sekeliling tempat tinggal dan perkembangan sejarah kehidupan.<sup>2</sup>

Berdasarkan pengamatan seni, manusia mempunyai kepelbagaian perasaan yang sedaya upaya cuba untuk dipenuhi melalui kesenian. Manusia adalah agen kreatif yang disalurkan melalui kekuatan minda berdasarkan kreativiti seni dalam kehidupan seharian. Ahli sejarah melihat perkembangan itu mempunyai perkaitan dengan faktor masa. Masa lampau menentukan jangkauan masa depan dan kebebasan berpemikiran kreatif wujud melalui pertemuan masa lampau dan akan datang.

Untuk mengkaji minda dan watak manusia perlu menggunakan kaedah daripada pelbagai perspektif kerana keunikan kualiti minda dan watak manusia terbentuk dalam skop yang luas. Asas kepada pembentukan minda dan watak manusia perlu dilihat kepada 4 dimensi utama iaitu; pengalaman, peraturan dan logik, kesesuaian pilihan dan ekspresi.<sup>3</sup>

Pengalaman merupakan dimensi yang menjelaskan kepekaan manusia secara sedar yang berkait dengan minda yang meninggalkan kesan mendalam

---

<sup>2</sup> Phenix, Philip H. *Realms of Meaning*. New York: McGraw-Hill. 1964, hlm.2.

<sup>3</sup> Tafsiran daripada inti pati buku David, B. *Theoretical Anthropology*. New York: Columbia University Press. 1953, hlm. 1-8.

kepada diri dan pengisian alam sebahagiannya dikendalikan berdasarkan pengalaman. Objek yang terdapat di dalam alam berinteraksi melalui manusia dan perubahan kepada bahan adalah disebabkan oleh pengalaman manusia sendiri secara sadar. Pengalaman menentukan pencapaian dan perubahan terhadap bahan dan proses itu berlaku melalui pemikiran yang sistematis.<sup>4</sup> Pengalaman dengan cara pemerhatian yang mendalam menimbulkan rasa desakan, kekaguman, bertujuan dan berkesan. Berlaku tindak balas antara objek dan manusia, terbentuklah pengalaman intelektual.

Aspek psikologi dan biologi terlibat dalam proses mencari pengalaman dalam kehidupan manusia. Pengalaman reflektif mewujudkan ciri asas kepada pembentukan keunggulan diri dan dalam masa yang sama menunjukkan kebolehan diri untuk cuba mengetahui secara timbal balik iaitu sebagai subjek dan juga sebagai objek. Manusia mampu menentukan kebenaran dan kepalsuan, hodoh dan cantik, salah dan benar, boleh membuat dan menjangkakan sesuatu, menghasilkan objek yang kreatif, menyedari masa lampau untuk tujuan akan datang. Semua persepsi dalam perhubungan adalah berasaskan konsep timbal balik yang menunjukkan ciri-ciri manusia.

Peraturan dan logik yang dibentuk merupakan gagasan yang dapat diterima secara meluas dan dapat memenuhi keperluan masyarakat. Lingkungan manusia adalah lingkungan yang dibuat sendiri secara sosial. Teori ini menjelaskan sesuatu masyarakat itu bukanlah wujud dengan sendiri, melainkan dibina sendiri oleh manusia dan secara bersama dengan orang lain. Kerangka

---

<sup>4</sup> Dewey, J. *Experience and Nature*. New York: Dover Publication Inc., 1958, hlm.21.



pemikiran itu menggambarkan bentuk kehidupan bersama, pola kepemimpinan, pengaturan hak dan kewajiban dan kemudian dipercayai, menerimanya dalam kehidupan harian. Lumrahnya, pemikiran yang dibina dipertahankan selagi menguntungkan dan memenuhi keperluan masyarakat.<sup>5</sup>

Kesesuaian pilihan merupakan dimensi asas pembentukan minda dan watak manusia yang sangat relevan dengan perkembangan warisan budaya tamadun manusia. Ahli sains, sejarahwan, ilmuan seni dan sesiapa sahaja yang mengungguli bidangnya merupakan orang yang bertanggungjawab dalam masyarakatnya. Kepakaran mereka menjadi hak masyarakatnya dan menjadi sumber pengetahuan kepada kehendak semulajadi manusia. Nilai yang dibangunkan merupakan konsep yang hidup di dalam minda sesuatu masyarakat mengenai apa yang mereka anggap bernilai, berharga dan penting dalam hidup sehingga dapat berfungsi sebagai suatu pedoman arah dan orientasi kehidupan sesuatu masyarakat. Menurut Kluckhohn, sistem nilai sesuatu masyarakat bergantung kepada lima persoalan nilai iaitu: nilai dalam hidup manusia, nilai dalam kreativiti manusia, nilai kedudukan manusia dalam ruang dan waktu serta nilai dalam hubungan manusia dengan alam.<sup>6</sup>

Keperluan manusia terhadap ekspresi merupakan dimensi semulajadi manusia yang berlaku sejak kewujudan manusia di dunia ini. Penemuan jejak seni di gua-gua Perancis, Sepanyol atau di mana sahaja secara jelas memperlihatkan kepekaan manusia berekspresi dengan alam. Ekspresi merupakan cara dan idea didapati dan dikeluarkan dari dalam diri manusia dengan menggunakan simbol

---

<sup>5</sup> Ignas Kleden. *Sikap Ilmiah dan Kritik Kebudayaan*. Jakarta: LP3ES. 1987, hlm. xiii.

<sup>6</sup> Sujarwa, M. Hum. *Manusia dan Fenomena Budaya. Menuju Perspektif Moralita Agama*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. 2001, hlm. 12.

seperti bahasa, karya seni dan sebagainya. Pertimbangan minda manusia dalam menghasilkan sesuatu, memberi makna dan menjalinkan hubungan sesama manusia sehingga membentuk watak manusia.<sup>7</sup> Keupayaan manusia berekspresi menunjukkan daya manusia untuk membentuk simbol yang memberi makna dalam kehidupan bermasyarakat.

Kajian kraf buluh Kampung Jal Kechil menggunakan dasar kerangka 4 dimensi pembentukan minda dan watak manusia iaitu pengalaman, peraturan dan logik, kesesuaian pilihan dan ekspresi. Dimensi-dimensi itu dikaitkan dengan kewujudan dan perkembangan kraf buluh dalam kehidupan masyarakat Melayu dan melihat hubungannya dengan minda dan watak Melayu.

Dalam kehidupan masyarakat Melayu, tindak balas terhadap alam berlaku untuk menangani masalah dalam kehidupan seharian. Alam sekeliling menjadi sumber untuk menyelesaikan masalah. Lingkungan hidup manusia mengandungi benda hidup dan juga benda bukan hidup yang wujud secara langsung dan tidak langsung. Hubungan itu wujud secara timbal balik antara masyarakat Melayu dengan lingkungannya yang menjadi suatu sistem yang bersepadu.<sup>8</sup> Pendekatan holistik masyarakat Melayu menjadikan hubungan fungsional antara komponen yang mengikat mereka dalam kesatuan yang teratur.

Alam membentuk tingkah laku manusia untuk memenuhi keperluan hidup seharian dan dalam konteks itu, buluh merupakan salah satu benda alam yang

---

<sup>7</sup> Ducasse, C. J. *The Philosophy of Art*. New York: Dover Publications, Inc. 1966, hlm.35.

<sup>8</sup> Nyoman Beratha. *Pembangunan Desa Berwawasan Lingkungan*. Jakarta: Bumi Askara. 1991, hlm. 5-10.

sinonim dengan pembentukan pemikiran dan kreativiti manusia. Buluh sejenis tumbuhan 'woody grass'<sup>9</sup> merupakan tumbuhan liar yang terdapat di serata dunia seperti di China, India, Jepun, Bangladesh, Indonesia, Malaysia, Afrika, Amerika Tengah dan Amerika Selatan.<sup>10</sup> Ia menjadi keperluan dalam kehidupan berbagai-bagai bangsa yang terdapat di dunia ini sejak bertahun-tahun dahulu. Kesannya, kewujudan buluh telah membentuk budaya yang mempunyai hubungan secara langsung dengan corak pemikiran dan tingkah laku sosiobudaya manusia.

Terdapat beratus jenis buluh dan sukar untuk dikenal pasti keseluruhan jenisnya. Ia tumbuh dengan cepat dan mencapai tahap kematangan dalam tempoh tiga hingga empat tahun mengikut jenis buluh sebelum boleh digubah untuk digunakan. Walau bagaimanapun kepentingan buluh sangat luar biasa kepada kehidupan manusia iaitu daripada sumber makanan hinggalah kepada keperluan untuk rumah. Keperluan tersebut telah melahirkan kesenian yang merupakan pancaran daripada sebuah tamadun kerana ketinggian tamadun sesuatu bangsa dicerminkan melalui kecemerlangan keseniannya, baik dalam aspek warisan fizikal mahupun dalam bentuk pemikiran.<sup>11</sup> Dalam konteks bangsa Melayu, kedua-duanya menjadi warisan yang banyak merubah corak dan cara hidup masyarakat yang membentuk generasi akan datang dan menjadi dasar kepada perubahan gaya hidup.

Buluh merupakan sumber alam yang banyak dan mudah didapati dalam lingkungan kehidupan masyarakat Melayu sejak dari zaman dahulu lagi. Ia hidup


---

<sup>9</sup> Tumbuhan rumput yang mempunyai batang pokok yang keras seperti kayu.

<sup>10</sup> *Journal America Bamboo Society*. Vol. 8 No. 1 & 2, 1991, hlm.5.

<sup>11</sup> Othman Mohd Yatim *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989, hlm. xiii.

subur di negara ini kerana kesesuaian iklim, muka bumi, tanah-tanah dan juga saliran yang baik. Buluh dijadikan sebagai bahan keperluan dan kegunaan harian dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga membentuk suatu budaya yang mempunyai nilai dan falsafah yang tersendiri kepada masyarakat Melayu. Aspek dan keperluan itu dihubungkan dengan metafizik, aksiologi dan epistemologi yang berpadu membentuk realiti kehidupan dalam lingkungannya.<sup>12</sup>



Rajah 1.1: Nilai dan pemikiran Melayu terhadap buluh

(sumber : laman web dalam <http://en.wikipedia.org/wiki/epistemology/metaphysics/axiology>. Julai 2008)

Berdasarkan kefahaman tersebut, kewujudan kraf buluh dikaitkan dengan ilmu yang mempunyai asas falsafah dari segi epistemologi (pengetahuan), aksiologi (nilai) dan metafizik (kepercayaan). Gabungan aspek-aspek tersebut ditafsirkan seperti dalam Rajah 1.1. Kepentingan penggunaan buluh dalam

<sup>12</sup> Metafizik ialah satu cabang pemikiran berhubung dengan benda alam yang digunakan untuk memenuhi kehendak manusia, mempunyai nilai (aksiologi) memberi pengetahuan melalui kepercayaan dan justifikasi kehidupan manusia (epistemologi). <http://en.wikipedia.org/wiki/epistemology/axiology/metaphysics>. Julai 2008.

kehidupan masyarakat Melayu telah menjana corak pemikiran dan kreativiti yang tersendiri. Pelbagai objek seni dan bukan seni dihasilkan reaksi kepada kewujudan objek alam itu.

Penempatan awal masyarakat Melayu tertumpu di kawasan berhampiran dengan sungai yang dikaitkan dengan kemudahan perhubungan, tempat tinggal dan juga sumber makanan. Kehendak kepada keperluan asas telah membuka minda dan kreativiti manusia untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Buluh menjadi salah satu sumber alam yang membantu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Desakan terhadap keperluan tersebut menghasilkan kreativiti yang mempunyai falsafah dan nilai sebaliknya.

Keperluan terhadap menyelesaikan masalah perhubungan dan bergerak dari satu tempat ke satu tempat telah mencetuskan penciptaan rakit buluh. Buluh juga digunakan untuk menangkap ikan yang merupakan sumber makanan utama bagi masyarakat Melayu yang tinggal berhampiran dengan sungai. Mereka menggunakan buluh yang dicipta menjadi tombak atau serampang dan menghasilkan ciptaan 'bubu' atau 'lukah' untuk menangkap ikan. Hasil tangkapan di simpan dalam 'perangkap ikan' iaitu alat yang dapat menyimpan ikan di dalam air dengan baik dan dalam jangka masa yang lama.

Masyarakat Melayu yang hidup bertani dengan bercucuk tanam dan bersawah padi, mungkin hidup dalam persekitaran yang berbeza dengan masyarakat yang tinggal di pinggir sungai. Penggunaan buluh masih menjadi salah satu bahan alam yang penting untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Cara memerangkap ikan di sawah padi, paya atau lopak di

kawasan perairan cetek menghasilkan kreativiti menggunakan 'serkap' iaitu sejenis peralatan menangkap ikan yang diperbuat daripada buluh.

Persekitaran mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Kewujudan buluh dalam alam Melayu, menghasilkan pemikiran dan kreativiti yang berbagai-bagai selaras dengan tuntutan untuk kegunaan dan keselesaan hidup seharian. Masyarakat Melayu juga terkenal dalam penciptaan jebak burung yang diperbuat daripada buluh. Tabiat dan habitat burung dikaji supaya jebak yang dicipta sesuai dengan kehidupan pelbagai jenis burung. Sebagai makhluk hidup, burung juga memerlukan tempat tinggal. Penciptaan sangkar burung yang diperbuat daripada buluh menggambarkan kepada kita keunikan pemikiran dan kreativiti yang dikaitkan dengan falsafah hidup. Melalui bahan buluh mereka dapat menguasai hidupan di air, di udara dan juga di daratan.

Manusia biasa memerlukan hiburan dalam kehidupan seharian. Hiburan yang wujud ketika itu bergantung kepada kekuatan pemikiran dan kreativiti individu terhadap bahan alam yang terdapat dalam persekitaran. Kraf muzik tradisional Melayu merupakan khazanah kesenian yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu kerana mempunyai nilai yang tinggi dari sudut estetik dan pemikiran sebaliknya, halus, unik dan berperlambangan.

Keperluan manusia untuk mengisi masa senggang setelah penat bekerja menghasilkan suatu kreativiti mencipta wau. Permainan yang dicipta memerlukan daya kreativiti hasil pemerhatian yang mendalam terhadap alam sekeliling. Kraf yang berasaskan buluh tampak biasa sahaja kewujudannya tetapi meninggalkan kesan terhadap pembentukan identiti budaya bangsa Melayu.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Penggunaan buluh telah dapat menyelesaikan banyak masalah dalam kehidupan masyarakat Melayu dalam segenap lapisan masyarakat, dari peringkat kanak-kanak hinggalah kepada peringkat orang dewasa. Kanak-kanak boleh dididik, 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'<sup>13</sup> mewujudkan kreativiti menghasilkan tabung buluh yang dapat membentuk sikap berjimat cermat. Penggunaan rakit buluh sebagai alat yang dapat menyelesaikan masalah perhubungan dengan masyarakat Melayu yang tinggal di tepi sungai. Penciptaan bubu atau lukah yang menyelesaikan masalah tempat menyimpan ikan. Masyarakat Melayu yang bekerja di sawah padi pula mencipta bakul untuk mengisi padi dan beras. Begitu juga penciptaan wau dalam masyarakat Melayu dapat memenuhi kegiatan masa lapang masyarakat tersebut.

Bentuk pendidikan yang dibina daripada kreativiti kraf buluh telah membentuk hubungan antara nilai yang berkait dengan tingkah laku dan pengetahuan yang berkait dengan ilmu. Kedua-duanya mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam membentuk minda dan watak masyarakat Melayu. Persoalannya, masalah nilai dan pengetahuan yang wujud dalam masyarakat Melayu pembuat kraf buluh tidak seimbang. Penerimaan kraf buluh lebih banyak dikesan kerana nilai bukan kerana pengetahuan yang berkaitan dengannya. Lumrahnya mereka sering berfikir dan berbicara tentang nilai daripada tentang

---

<sup>13</sup> 'Melentur buluh biarlah dari rebungunya' adalah peribahasa Melayu yang bermaksud mendidik seseorang itu perlu bermula sejak kecil lagi.

pengetahuan yang menjadi ilmu. Nilai yang diterima menjadi satu budaya yang baik dalam masyarakat Melayu. Mereka hidup bekerjasama, tolong menolong, hormat menghormati, bertolak ansur dan berjiran dalam hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan kerana pembuatan kraf buluh. Tetapi, mampukah nilai yang baik bertahan dalam arus perubahan budaya yang signifikan dengan masa, tempat dan cita rasa manusia. Lambat laun nilai yang baik dan murni semakin lama semakin susut nilainya apabila kraf buluh yang membentuk minda dan watak masyarakat Melayu semakin ditinggalkan. Hilanglah seni pemikiran masyarakat Melayu kerana sudah tidak bernilai lagi, sudah tidak ada pengikut dan pengamal.

Menurut Ignas Kleden, nilai menjadi asas kepada teori ilmu.<sup>14</sup> Implikasinya, penerapan nilai yang wujud dalam masyarakat Melayu menjadi ilmu yang bermakna dalam kehidupan. Sistem nilai dalam masyarakat Melayu dibina dan diterjemahkan daripada sistem pengetahuan mengenai persoalan kehidupan yang berorientasikan masyarakat dan hubungannya dengan alam, hubungan dengan diri sendiri dan terhadap orang lain.

Identiti dan integriti masyarakat Melayu wujud disebalik kraf yang dihasilkan. Bentuk pemikiran tersebut menjadi nilai hidup masyarakat Melayu. Kraf yang dihasilkan tidak membina ilmu sebagai pengetahuan sebaliknya membina ilmu sebagai sistem nilai. Sistem nilai dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu wajar ditingkatkan menjadi ilmu supaya identiti yang wujud daripada ikhtiar sejarah kehidupan manusia dapat dipelajari, dibentuk teori secara ilmiah dan dikembangkan mengikut kehendak masyarakatnya.

---

<sup>14</sup> Ignas Kleden. 1987, hlm. xvii.



Perkembangan nilai tidak menyeluruh dan terbatas kepada sekelompok masyarakat sahaja. Ilmu yang realitinya tumbuh sebagai nilai secara terperosok akan hilang ditelan oleh persekitarannya sendiri kerana persekitaran manusia sentiasa berubah. Sebaliknya jika nilai itu dijadikan ilmu maka ia berkembang secara sistematik dan teratur mengikut kehendak masyarakatnya. Ilmu yang dibina tidak akan statik dan sentiasa mengalami perubahan mengikut lingkungan alamnya.<sup>15</sup> Lingkungan hidup masyarakat Melayu telah membentuk satu budaya kerana ada idea, gagasan, nilai, norma dan peraturan yang membentuk aktiviti manusia hasil daripada karya atau ciptaan manusia.

Aktiviti masa lapang masyarakat Melayu suatu ketika dahulu dapat dipenuhi dengan kesenian yang melambangkan budaya masyarakat Melayu yang menggunakan simbol yang bermakna dalam kehidupan dan memenuhi keperluan bersama secara primer, sekunder dan bersepadu di dalam lingkungan alamnya.<sup>16</sup> Kraf berasaskan buluh jelas mempunyai makna dalaman dan luaran bersifat realiti alam dan juga bersifat abstrak (budaya). Di dalamnya ada nilai yang universal dengan budaya lain di dunia, menyentuh agama dan kepercayaan, nilai kemasyarakatan, nilai pengetahuan, nilai seni, nilai ekonomi, nilai teknologi dan peralatan. Kreativiti dan pemikiran yang berkaitan dengannya hanya dapat diperolehi dalam lingkungan budaya masyarakat melalui proses belajar.

---

<sup>15</sup> Cassirer, E. *An Essay on Man*. New Haven: Yale University Press.1969, hlm.139-141.

<sup>16</sup> Tjetjep Rohendi Rohidi. 2000, hlm. 5-6.

Kraf buluh dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan dengan budaya, masyarakat dan peribadi yang ditandakan dengan simbolisme yang terdapat dalam kraf tersebut. Perhubungan cuba dikesan melalui corak dan reka bentuk kraf buluh yang dihasilkan dan melihat bagaimana simbolisme yang wujud dalam kraf tersebut sebagai ekspresi sosiobudaya masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil.

Sejauh mana simbol-simbol yang wujud dapat dikesan dan diterima sebagai nilai yang bermakna dalam kehidupan seterusnya dapat ditingkatkan menjadi ilmu dalam kehidupan. Masyarakat perlu disedarkan, ilmu yang membentuk minda dan watak tentang kehidupan adalah berkait dengan sosiobudaya yang telah dibina sekian lama oleh masyarakatnya. Nilai lama masyarakat Melayu akan terhapus kerana telah ketinggalan zaman tetapi nilai lama akan terus wujud menjadi sejarah, seni dan sosiobudaya masyarakat Melayu apabila nilai ditingkatkan sebagai pengetahuan dan menjadi ilmu. Kraf buluh sebagai ilmu yang wajar ditelaah, diselidiki dan dibongkar isi kandungannya supaya menjadi satu sistem ilmu dan diperturunkan kepada masyarakat Melayu kini dan generasi akan datang.

### 1.3 Tujuan Kajian

Kajian terhadap realiti sosial dalam penggunaan kraf buluh masyarakat Melayu bertujuan untuk:

i) Mengesan, memahami dan mempraktikkan nilai yang terkandung di dalamnya supaya dapat disebarkan dalam bentuk dokumentasi yang dapat diterima umum.

ii) Kajian mendalam tentang kraf buluh diharapkan dapat menyedarkan masyarakat bahawa kraf dan budaya tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan bermasyarakat dan seni yang dilahirkan harus berkembang sejajar dengan perkembangan masa, tempat dan budaya.

Simbol tidak semestinya wujud secara tampak, mungkin lebih banyak dalam bentuk yang tersirat dan maksudnya ditemui apabila penelitian melalui proses yang jitu dijalankan. Keupayaan memahami jenis-jenis simbol yang wujud di dalamnya perlu dikesan. Kajian ini cuba menjelaskan bagaimana simbol wujud dalam kraf buluh masyarakat Melayu dan memahami bagaimana hubungan simbol-simbol tersebut berlaku menelusuri pemahaman masyarakat terhadap kegiatan yang memberi nilai dan ilmu kepada masyarakat.

Nilai-nilai yang ditemui daripada kajian ditingkatkan sebagai pengetahuan yang boleh disebarkan sebagai ilmu. Kesedaran masyarakat Melayu terhadap seni warisan Melayu dapat dikembangkan. Pembinaan jati diri yang dianggap sudah lapuk dapat dibina semula dengan menaiktaraf nilai menjadi ilmu. Pemikiran terhadap seni warisan Melayu berpotensi untuk lenyap semakin nyata.

Harapkan nilai, kraf akan lesu dan budaya menjadi layu kerana manusia, masa dan persekitaran menjadi faktor penentu. Kajian ini meneroka untuk menjadikan nilai dalam kraf buluh menjadi sebahagian daripada sumber ilmu, wajar dan mampu diperturunkan kepada generasi akan datang.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada ilmu pengetahuan dalam sosiobudaya masyarakat Melayu pembuat kraf buluh. Pendekatan interdisiplin yang digunakan dapat menjelaskan secara menyeluruh kepentingan kraf buluh sebagai simbolisme minda dan watak. Kajian juga diharapkan dapat memberi kesedaran, kefahaman dan amalan baru bahawa warisan budaya kraf buluh sebagai simbol minda dan watak yang berhubung dengan kesenian Melayu. Nilai dan ilmu yang berkait dengan kesenian Melayu bukan sahaja menggambarkan rupa dan bentuk kesenian Melayu tetapi menjelaskan segala aspek yang berkaitan dengan kehidupan. Maklumat tentang kesenian Melayu dapat dikumpul dan didokumentasikan dalam bentuk yang boleh dipelajari secara sistematik, berkesan dan bermakna.

Dalam kesenian Melayu, agama dan seni saling berkaitan, dan tidak akan wujud kraf yang diperbuat daripada buluh dalam masyarakat Melayu jika kewujudan kraf tersebut bertentangan dengan kehendak agama Islam. Hal yang berkaitan dengan agama merupakan transformasi simbolis hasil dari ungkapan

perasaan dan pengalaman masyarakat Melayu dengan alam sekitarnya yang lahir secara spontan dan kompleks, tidak secara sewenang-wenang.

Seterusnya dengan kesedaran dan kefahaman yang menyeluruh tentang kesenian dalam kehidupan masyarakat Melayu, kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan tahap kesenian Melayu dalam pembinaan kurikulum di sekolah, di institut pengajian tinggi awam dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM).

### **1.5 Batasan Kajian**

Fenomena kebudayaan dan kesenian wujud sesuai dengan lingkungan alam dan keperluan masyarakatnya. Kebudayaan dan kesenian yang wujud menjadi suatu sistem yang memenuhi keperluan kehidupan manusia pendukungnya dan merupakan suatu faktor yang menjadi dasar kepada pembentukan pemikiran dan tingkah laku baik dalam lingkungan alamnya mahupun dalam lingkungan sosiobudayanya. Kerangka pemikiran itu menjelaskan yang kajian ini akan menyentuh budaya dan kesenian dalam kraf buluh pada lingkungan alamnya. Dalam konteks itu, kraf buluh yang dihasilkan oleh orang Melayu di Kampung Jal Kechil sahaja yang dikaji.

Kampung Jal Kechil terletak dalam Mukim Jal yang terdiri daripada Kampung Jal Besar, Kampung Jal Kechil, Kampung Padang Mandol, Kampung Ana, Kampung Tok Oh dan Kampung Berok. Mukim Jal, bersempadan di bahagian utaranya dengan kawasan Tumpat, di bahagian timurnya dengan

kawasan Terbak dan Kebakat, di bahagian selatannya dengan kawasan Bunut Susu dan di bahagian baratnya dengan kawasan Pengkalan Kubor. Kampung Jal Kechil terletak kira-kira 12 km dari pekan Tumpat. Penduduk kampung itu terdiri daripada masyarakat Melayu yang bekerja sebagai pesawah, berkebun dan membuat kraf buluh sebagai mata pencarian mereka. Malahan sebahagian besar masyarakat kampung itu terlibat dengan aktiviti membuat kraf buluh. Dianggarkan terdapat seramai 50 orang terlibat dengan aktiviti tersebut. Aktiviti pengumpulan hasil kraf dikendalikan oleh seorang peraih yang mempunyai sebuah kedai di pekan Cabang Empat. Pembuatan kraf buluh menjadi aktiviti keluarga yang membentuk satu budaya berhubung dengan simbolisme minda dan watak dalam sosiobudaya kehidupan masyarakat Melayu Kampung Jal Kechil. Kampung itu menjadi lokasi yang sesuai untuk dikaji sejarah perkembangan kraf buluh dalam masyarakat Melayu, mengesan budaya dan identiti, meneliti keperibadian individu dan mengenal pasti nilai yang wujud dalam kehidupan masyarakat tersebut.

## **1.6 Definisi Operasional dan Pengertian Konsep**

Kajian ini berkaitan dengan simbolisme dalam kraf buluh dan hubungannya dengan minda dan watak masyarakat Melayu. Definisi konsep dan pengertian simbol, kraf, minda dan watak Melayu yang mendasari kajian ini dijelaskan.

### 1.6.1 Simbol

Simbolisme merupakan ciri minda yang asas, terdapat pada setiap ragam pemikiran dan kebudayaan. Fenomena itu menunjukkan setiap tindakan manusia adalah kesan daripada reaksi terhadap simbol.<sup>17</sup> Menurut *Collins English Dictionary* perkataan simbol boleh didefinisikan sebagai

1. sesuatu yang mewakili atau menjelaskan sesuatu, biasanya secara konvensional atau perkaitan seperti objek yang digunakan bagi mewakili sesuatu yang abstrak.

2. objek, orang, idea dan sebagainya yang digunakan dalam kesusasteraan, filem dan sebagainya yang menjelaskan atau menyarankan sesuatu secara eksplisit atau implisit.

3. huruf, angka atau lambang yang digunakan dalam matematik, sains, muzik, seni dan sebagainya yang menunjukkan kuantiti, fenomena, operasi dan fungsi.

4. kajian terhadap matlamat produk yang dihasilkan seperti bentuk objek atau kesan yang wujud tanpa disedari antara tingkah laku dengan pemikiran

5. sebarang proses pemikiran yang mewakili beberapa ciri realiti luaran.

Menurut Arnold Whittick, perkataan '*symbol*' berasal daripada perkataan Greek yang bermakna membawa ekspresi bersama di antara idea dan objek. Simbol itu menunjukkan sama ada objek yang menjelaskan objek yang lain atau

---

<sup>17</sup> Scheffler, I. *Symbolic Worlds*. Cambridge: Cambridge University Press. 1997, hlm.11.

objek yang menjelaskan sesuatu idea.<sup>18</sup> Simbol merupakan suatu sistem yang digunakan untuk objek, tindakan, aktiviti, kualiti atau perkaitan yang memberi makna. Konsep budaya merupakan suatu sistem yang diwarisi sejak berzaman menunjukkan corak makna yang wujud adalah daripada penggunaan simbol dan sistem membantu manusia berkomunikasi, menjadi kesinambungan kepada perkembangan pengetahuan dan sikap terhadap kehidupan terutamanya dengan meletakkan simbol sebagai motivasi dalam sistem yang berkaitan dengan agama.

Simbol boleh membawa erti yang berkaitan dengan benda, gerakan, irama dan sebagainya yang berfungsi untuk mengadakan dan menampilkan sesuatu yang lain. Simbol yang disimbolkan dengan benda yang berkaitan dengannya akan menghasilkan erti yang lain daripada bentuk asal atau mengandungi makna yang lebih mendalam<sup>19</sup> yang memasuki alam kesedaran manusia melalui pancaindera.<sup>20</sup> Manusia menggunakan daya sensitiviti yang tinggi dan daya interpretasi sendiri untuk memahami pemikiran dan falsafah yang terkandung di sebalik simbol itu. Simbol boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang mewakili atau melambangkan sesuatu melalui: saranan, secara kebetulan atau konvensional contohnya seperti sesuatu objek itu mewakili sesuatu yang bukan objek atau sesuatu yang abstrak sebagai manusia, idea, kualiti atau keadaan; angka atau lambang.<sup>21</sup>

---

<sup>18</sup> Whittick, A. *Symbols, Sign and Their Meaning and Uses in Design*. London: Leonard Hill. 1971, hlm.3.

<sup>19</sup> Budiono Herusatoto. *Simbolisme dalam Budaya Jawa*. Yogyakarta: PT.Hanindita.1985, hlm. 1.

<sup>20</sup> Muhammad Afandi Yahya. *Simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995, hlm. 4.

<sup>21</sup> *The compact edition of the Oxford English Dictionary* vol.II, P-Z Oxford University Press, 1971, hlm. 362.



Keperluan terhadap komunikasi menjadikan simbol dalam sesuatu masyarakat itu berkembang atau maju. Keadaan demikian menyebabkan ekspresi di kalangan ahli dalam kumpulan masyarakat tersebut menjadi aspek yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Melalui ekspresi, kefahaman dua pihak terbentuk dan berkembang seterusnya cabaran dalam kehidupan bermasyarakat meningkat. Komunikasi lisan atau tradisi lisan memainkan peranan penting dalam sistem komunikasi. Sejajar dengan kepentingan komunikasi itu telah meletakkan kepentingan simbol selari dengan kepentingan komunikasi iaitu percakapan dan pemikiran serta tindakan.

Menurut A.N.Whitehead, 'perkataan' merupakan simbol yang boleh difahami secara tulisan atau percakapan yang berlaku melalui proses transformasi dalam minda kerana simbol merupakan proses pemikiran manusia secara sedar dan memberi makna dalam kehidupan.<sup>22</sup>

Hegel dalam kuliahnya berkaitan dengan estetik menjelaskan simbol sebagai objek yang memberi makna iaitu sesuatu yang berkait dengan minda dan ekspresi menyentuh fenomena yang menyenangkan pancaindera. Simbol dapat dinilai melalui komponen objektif sebagai sesuatu yang mempunyai nilai estetik dan melalui komponen subjektif menjadi sesuatu yang mempunyai nilai perasaan.<sup>23</sup> Kedua-dua ciri berkaitan wujud dalam kreativiti dan tindak balas

---

<sup>22</sup> Whitehead, A.N. *Symbolism. Its Meaning and Effect*. New York: Macmillan, 1927, hlm. 7 dalam <http://websyte.com/alan/symbolsm.htm>. Feb.,2006.

<sup>23</sup> Dipetik daripada kuliah Hegel tentang simbol dalam <http://www.marxists.org/reference/archive/hegel/works/ae/ch01.htm>. Feb.,2006

penghargaan terhadap seni yang menjadikan sesuatu karya seni sangat bermakna dalam kehidupan.<sup>24</sup>

Kewujudan simbol berdasarkan kemampuan pencipta mengolah seluruh imaginasi, pengalaman emosi dan intelektual serta mencakupi nilai psikologi dan sosiologi dalam pertumbuhan jiwa manusia. Simbol menjadi nilai bagi satu-satu kaum dan bangsa yang harus dipertahankan. Umpamanya, simbolisme dalam kraf buluh menunjukkan keunikan konsep binaannya dengan lambang tamadun atau keseluruhan kebudayaan masyarakat yang menghasilkan dan menerimanya sebagai wadah kehidupan seharian.

Masyarakat Melayu melalui proses ketamadunan yang unik daripada kepercayaan animisme, Hindu, Buddha, Islam dan Barat. Kesannya membawa perubahan yang besar dalam corak kehidupan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun ternyata Islam telah membentuk kehidupan masyarakat Melayu. Kewujudan kraf dalam masyarakat Melayu menampilkan simbol minda dan watak Melayu selaras dengan kehendak Islam walaupun kadang-kadang berbaur kebudayaan Hindu.<sup>25</sup>

Simbolisme atau simbol merupakan suatu bentuk penekanan atau ekspresi budaya masyarakat zaman lampau hingga kepada masa kini, selaras dengan pandangan yang mengatakan simbol itu terbentuk daripada pengaruh sejarah dan kehidupan seharian, kepercayaan dan agama serta alam sekitarnya.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup>Rader, M. & Jessup, B. *Art and Human Values*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall. 1976, hlm. 5.

<sup>25</sup> Othman Mohd Yatim. 1989, hlm.85.

<sup>26</sup> Turner, V. *The Forest of Symbols: Aspects of Ndembu Ritual*, Ithaca: Cornell University Press. 1966, hlm. 19. dan Siti Zainon Ismail *Getaran Jalur dan Warna*. Petaling jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1985, hlm. 23.

Simbol telah menguasai sebahagian besar kehidupan manusia yang sering dikaitkan sebagai rujukan yang signifikan terutamanya kepada manusia yang mampu menginterpretasi simbol tersebut. Apabila sesuatu benda itu memberi makna sesuatu kepada seseorang, maka makna itu merupakan jenis simbol.

Simbol menjadi tanda kepekaan yang asli, lahir untuk mengingat kembali sesuatu yang istimewa sebagai pemberi makna kepada kehidupan sesuatu masyarakat. Konteks pengalaman memainkan peranan penting sebagai asas kepada penilaian atau pentafsiran sesuatu simbol. Sistem yang kompleks tidak bermakna kepada satu pihak dan bermakna kepada pihak yang lain yang mempunyai signifikan dalam penilaian atau pentafsiran simbol yang dirujuk. Simbol tidak menunjukkan makna yang kekal, berubah mengikut kehendak masyarakat pendukungnya yang berubah mengikut persekitaran, cita rasa dan budaya. Kenyataan tersebut selaras dengan penekanan sifat simbol Langer sebagai kepercayaan, penilaian dan pentafsiran.<sup>27</sup>

Simbol mempunyai kepekaan yang pelbagai seperti menunjukkan tingkah laku atau watak dan juga mengekspresi kesepaduan kuasa atau minda. Kepelbagaian yang wujud menunjukkan simbol sebagai pembentuk minda dan watak melalui ekspresi objek sebagai objek dan juga ekspresi objek yang menjelaskan idea atau konsep kerana simbol itu dapat difahami apabila wujud keselarasan di antara idea dengan situasi objek yang wujud.<sup>28</sup>

Sesuatu simbol yang wujud adalah hasil persembahan yang melibatkan makna melalui hasil kerja seni. Penciptaan awal adalah sebagai objek untuk

---

<sup>27</sup>Langer, Susanne K. *Problem of Art*. New York: Charles Scribner's Sons. 1957, hlm. 163.

<sup>28</sup>Langer, Susanne K. *Feeling and Form*. London: Routledge & Keegan Paul. 1967, hlm. 26.

kegunaan harian tetapi hasil penggunaan seharian, simbol itu telah meninggalkan kesan kepada masyarakat pengguna sebagai karya seni atau karya kraf. Penciptaan tersebut menjadi simbol umum apabila dikaitkan dengan karya kraf dan aturan itu digunakan oleh sekumpulan masyarakat atau masyarakat yang besar. Simbol mempunyai makna yang luas dalam hubungannya dengan minda dan watak dalam sesuatu masyarakat dan mungkin berbeza dalam masyarakat yang lain

### 1.6.2 Kraf

Menurut Peter Dormer dalam bukunya *'The Culture of Craft'*<sup>29</sup>, makna kraf dikaitkan dengan aktiviti kreativiti berkemahiran yang berkait dengan proses membuat dekorasi atau membuat sesuatu ke atas objek dengan menggunakan tangan. Kraf, merujuk kepada penciptaan sesuatu objek yang asli melalui kebolehan artis melakukan perubahan terhadap bahan dan sejarah kewujudan kraf dikenal pasti kerana keperluannya dalam kehidupan. Pengertian ini ada kaitannya dengan pendapat Edward Lucie-Smith dalam bukunya *The Story of Craft*<sup>30</sup> yang menyatakan semua proses pembuatan menggunakan tangan sama ada untuk tujuan ritual atau tujuan hiasan semata-mata adalah objek kraf.

Dalam buku *The Persistent Object*, Rose Slivka mendefinisikan kraf sebagai suatu tindakan pengubah suaian bahan menurut kehendak pandai tukang yang dapat mengekalkan realiti kehendak manusia. Alam sebenar kewujudan

---

<sup>29</sup> <http://www.craftcouncil.org/html/aboutcraft/>. Feb.,2006.

<sup>30</sup> *Ibid.*

objek menjadi sebagai seni dan mempunyai fungsinya. Melalui sejarahnya yang panjang, kraf telah menjadi objek yang mempunyai nilai dan kerangka terhadap tujuan manusia membuat dan menggunakannya.<sup>31</sup>

Menurut Mary Louise Edwards, kraf menyentuh pemikiran tentang kasih sayang, pekerjaan, komuniti, kecintaan, kemahiran, tradisi, material, masa, objek, reka bentuk, amalan dan juga seni. Ungkapan itu hidup dan menjadi keperluan dalam organisasi, amalan individu dan kehidupan keseluruhannya. Corak kemahiran yang wujud dapat membentuk keputusan terhadap nilai estetik.<sup>32</sup>

Ensaiklopedia Britannica, mendefinisikan kraf sebagai penggunaan kemahiran dan imaginasi dalam proses penciptaan objek yang mengandungi nilai estetik, persekitaran atau pengalaman bersama dengan orang lain<sup>33</sup> yang mempunyai kekuatan, kemahiran dan keaslian.<sup>34</sup>

### 1.6.3 Minda

Dalam penggunaan biasa perkataan minda merujuk kepada pemikiran, proses berfikir atau sebagai alat untuk berfikir dalam diri manusia. Menurut Ensiklopedia Britannica, minda bertindak balas kepada proses atau keadaan tertentu seperti sensasi, persepsi, emosi, memori, keazaman, penaakulan, matlamat, pilihan, keperibadian dan juga keadaan atau sesuatu yang berlaku

---

<sup>31</sup> Slivka, R. *The Persistent Object*, Horizon Press New York.1968, hlm. 19.

<sup>32</sup><http://crafaus.com.au/phorum/read>.Feb.,2006

<sup>33</sup><http://en.wikipedia.org/wiki/Art>.Feb.,2006.

<sup>34</sup>Kamus Webster dalam <http://www.answers.com/topic/craft>.Feb.,2006